

Case Study

## **Analisis Gaya Kognisi dan Afeksi Murid dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah**

**Pushpavali Perumal<sup>1</sup>, Mohd Razimi Husin<sup>1</sup>, Suppiah Nachiappan<sup>1</sup>**

<sup>1</sup> Department of Educational Studies, Faculty of Human Development. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim, Malaysia.

**Article History**

**Received:**  
09.01.2022

**Revised:**  
26.02.2022

**Accepted:**  
19.03.2022

**\*Corresponding Author:**  
Mohd Razimi Husin  
**Email:**  
razimi@fpm.upsi.edu.my

This is an open access article,  
licensed under: CC-BY-SA



**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk menganalisis Gaya kognisi dan afeksi murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Sampel kajian melibatkan 40 orang murid dan 12 orang murid Tahun 5 untuk ditemu bual serta 2 orang guru untuk ditemu bual. Sebanyak 40 teks karangan asal murid telah dikaji dan dianalisis serta 12 orang murid ditemubual untuk mendapatkan data serta ditranskripsikan menjadi teks kajian. Teks kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah Hermeneutik untuk menginterpretasi dapatan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid cemerlang dan sederhana boleh mengaplikasikan Gaya kognisi, afeksi dan tahap bawah sedar dalam penulisan karangan manakala murid lemah menghadapi kesukaran dalam mempraktikkan gaya kognisi, afeksi dan tahap bawah sedar dalam penulisan karangan.

**Kata Kunci:** Gaya Afeksi, Gaya Kognisi, Kaedah Hermeneutik, Karangan Bahasa Melayu, Kaedah Hermeneutik.

### **Analysis of Student Cognition and Affection Styles in Malay Essay Writing in Primary Schools**

**Abstract:** This study aims to analyze the cognition style and affections of students in writing Malay essays. The study sample involved 40 students and 12 Year 5 students to be interviewed and 2 teachers to be interviewed. A total of 40 original essay texts were studied and analyzed and 12 students were interviewed to obtain data and transcribed into research texts. The text of this study was analyzed using Hermeneutic methods to interpret the findings of the study. Findings show that excellent and average students can apply cognition style, affective and subconscious level in essay writing while weak students face difficulties in practicing cognition style, affective and subconscious level in essay writing.

**Keywords:** Affective Skills, Cognition Skills, Hermeneutic Methods, Malay Essays.



## 1. Pendahuluan

Bahasa merupakan alat perhubungan yang penting dalam kehidupan manusia. Seseorang itu dapat berkomunikasi dengan sesiapa sahaja untuk menyampaikan kehendak, perasaan, pendapat, pengalaman, mendapatkan informasi, menambahkan ilmu pengetahuan, memahami orang lain dan sebagainya. Terdapat pelbagai maksud atau definisi penulisan yang telah dinyatakan oleh para sarjana yang tersohor. Oleh yang demikian, penulisan ialah satu cara untuk mewakilkan fikiran atau idea dalam bentuk tulisan agar ia dapat difahami oleh orang lain.

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu telah menjurus ke arah keharmonian dan perpaduan yang memantapkan satu Malaysia sehingga menjana negara sebagai pelopor perpaduan dan menjadi contoh negara yang mengamalkan demokrasi pelbagai kaum. Selain itu, pegetahuan Bahasa Melayu telah memberi peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang kepada rakyat Malaysia yang menyumbang kepada ekonomi negara meningkat. Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) digubal sebagai usaha membina rupa bangsa yang memiliki daya saing yang tinggi melalui pendidikan yang menerapkan pemikiran tinggi di sekolah menjelang abad ke-21 [1]. Pelaksanaannya dalam matapelajaran Bahasa Melayu dapat mengubah pedagogi Bahasa Melayu kepada pembelajaran yang lebih holistik.

Penulisan esei yang baik bergantung kepada penggunaan gaya kognisi dan afeksi murid. Murid menulis esei berdasarkan pola-pola berfikir yang sistematik iaitu mencungkil maklumat daripada tahap bawah sedar mereka. Murid menyimpan ilmu pengetahuan yang pernah dipelajari sejak di sekolah rendah lagi. Apabila mula berfikir untuk menulis esei, maka murid mula mengalami kognisi dan afeksi secara dalaman untuk mencungkil maklumat berkaitan esei yang akan ditulis.

Di Malaysia mata pelajaran Bahasa Melayu telah menjadi subjek wajib dipelajari di semua peringkat persekolahan di negara kita teknik pembelajaran penulisan karangan BM yang menggunakan kaedah hafalan [2]. Murid menghafal karangan yang menarik dan menulis semula dalam peperiksaan. Walaupun teknik ini membolehkan murid lulus dalam peperiksaan tetapi menghalang murid daripada proses berfikir secara kritis dan kreatif. Penjanaan KBAT dalam kalangan murid-murid memerlukan proses kemahiran berfikir secara intelek dengan pemikiran yang meluas serta mendalam sama ada mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu isu yang telah dipelajari, membuat pertimbangan dan keputusan atau menyelesaikan masalah [3].

Tahap bawah sedar adalah penting kepada murid disebabkan membolehkan murid untuk melakukan proses berfikir semasa mencungkil maklumat untuk menulis karangan BM. Tahap bawah sedar juga dapat meningkatkan kognisi dalam kalangan murid [4]. Segala bahan visual yang digunakan oleh murid semasa P&P penulisan BM oleh guru memudahkan murid untuk simpan maklumat dalam ingatan. Seterusnya, murid akan mencungkil balik maklumat daripada ingatan untuk ditulis. Kajian Izzah [5] menyatakan bahawa sebahagian guru tidak membimbing murid supaya berfikir dengan baik. Guru Bahasa Melayu masih mengambil mudah terutamanya pengajaran masih berpusatkan guru. Murid akan menjadi pasif apabila berada di dalam bilik darjah [6]. Menurut Zaki [7], guru Bahasa Melayu tidak mengajar murid menguasai kemahiran mencari, memahami dan menggunakan maklumat dengan lebih mendalam. Pengajaran guru masih kurang daripada satu pertiga daripada masa keseluruhan pengajaran guru dalam bilik darjah menekankan kemahiran berfikir. Tambahan pula, pada masa kini, penguasaan Bahasa Melayu dipengaruhi oleh bahasa ibunda murid [8]. Lantas itu, pengajaran dan pembelajaran perlu berjalan lancar. Sekiranya PdP yang dijalankan dalam kelas tidak merangsang minda murid, murid menghadapi masalah dalam penjanaan idea walaupun karangan yang mudah [9].

## 2. Tinjauan Literatur

Masalah menguasai penulisan karangan BM telah menjadikan murid lemah dan tidak bermotivasi untuk memberikan perhatian terhadap subjek BM. Seterusnya perkara ini juga telah menyebabkan murid tidak berminat untuk menguasai kemahiran menulis karangan BM [10]. PdP yang kurang menekankan budaya berfikir akan menyebabkan murid lemah dalam mengembangkan sesuatu isu yang dikemukakan dengan mengolah isi karangan dengan sempurna [11].

Sikap tidak minat mengarang merupakan faktor paling besar yang mempengaruhi penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan responden kajian mereka. Natijahnya, responden kajian sukar menulis perenggan isi dan perenggan pendahuluan dalam menulis karangan. Sikap guru yang mengajar menggunakan kaedah konvensional telah merumitkan lagi isu ini [12]. Murid sukar menulis perenggan isi dan perenggan pendahuluan dalam menulis karangan. Hasilnya, penulisan karangan

mereka hanya berkisar kepada satu perenggan sahaja, idea serta huraian bertindan dan berlaku pengulangan isi utama. Markah penulisan karangan dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun (PPT) juga menunjukkan pencapaian yang mendukacitakan [13].

Selain itu, penguasaan kemahiran penulisan dalam kalangan murid masih berada pada tahap yang membimbangkan. Lembaga Peperiksaan Malaysia [14] melaporkan bahawa bilangan pelajar yang mempunyai pencapaian sederhana dalam penulisan karangan adalah lebih banyak berbanding pencapaian cemerlang dan rendah. Menurut Chung et al. [15], dapatkan kajian mereka menunjukkan bahawa pembelajaran kolaboratif jarang diaplakisikan oleh guru-guru Bahasa Melayu dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam penulisan karangan. Pembelajaran kolaboratif tidak menjadi pilihan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan disebabkan kekangan semasa pelaksanaannya.

Kajian lain seperti Peng & Jinah [16] mencadangkan agar guru-guru Bahasa Melayu lebih mengaplikasikan kaedah PAK21 dalam pengajaran mereka. Guru-guru dicadangkan agar menjalankan aktiviti-aktiviti yang menggalakkan penglibatan murid secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Kepelbagaiannya bantu mengajar juga dilihat dapat membantu guru-guru dalam menjalankan aktiviti pengajaran mereka agar mereka dapat menarik minat murid untuk lebih menumpukan perhatian di dalam bilik darjah. Guru-guru seharusnya melengkapkan diri mereka dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang secukupnya.

Kajian yang dihasilkan oleh Peng & Hamad [17] mendapati bahawa kekerapan dan keberkesanannya amalan KBAT dalam kalangan guru adalah tinggi. Namun tahap penguasaan KBAT dalam Bahasa Melayu dalam kalangan murid adalah memuaskan. Hasil kajian juga memaparkan terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan penyoalan KBAT dengan latar belakang murid daripada aspek jenis sekolah. Justeru, guru-guru di semua sekolah rendah khususnya SJKT perlu dibudayakan dengan KBAT dengan lebih giat agar murid-murid yang dilahirkan akan menjadi generasi masa depan yang mempunyai KBAT dan mampu mendepani cabaran dengan tabah, cekal dan gigih.

### **3. Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini adalah berdasarkan reka bentuk kajian kualitatif yang menggunakan kaedah Hermeneutik. Pengkaji akan menganalisis hasil penulisan murid untuk mengkaji dan menganalisis pengaplikasian Gaya kognisi, afeksi dan tahap bawah sedar dalam penulisan karangan Bahasa Melayu di SJK (Tamil).

#### **3.1. Persampelan**

Dalam kajian ini, sampel terdiri daripada 40 orang murid Tahun 5 dalam menganalisis karangan dan 12 orang murid dan 2 orang guru untuk ditemubual. Sampel ini dipilih dari sebuah SJK (Tamil) yang terletak di kawasan bandar di daerah Klang. Sampel-sampel ini dipilih atas persetujuan guru yang mengajar dan murid Tahun 5.

#### **3.2. Prosedur Kajian**

Sebelum menjalani kajian, pengkaji telah memungut dan meneliti keputusan peperiksaan markah akhir tahun murid bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Penulisan. Menerusi langkah ini, pengkaji dapat mengenal pasti tahap pencapaian murid.

Selepas itu, tajuk karangan diberikan dan peserta perlu menjawab dalam masa yang ditetapkan oleh pengkaji. Seterusnya, hasil penulisan dianalisis dengan menggunakan kaedah Hermeneutik. Melalui kaedah Hermeneutik, pengkaji dapat menganalisis dan menginterpretasi teks karangan murid dengan terperinci bagi mengesan dan mengenal pasti aplikasi kognisi, afeksi, tahap bawah sedar dalam penulisan karangan Bahasa Melayu bagi murid-murid Tahun 5. Setelah teks karangan telah selesai dianalisis dan diinterpretasi, pengkaji menghasilkan laporan kajian yang lengkap.

#### **3.3. Kaedah Hermeneutik**

Analisis Hermeneutik digunakan untuk menginterpretasi karangan murid [18]. Menurut Nachiappan et al [19], fakta yang tersembunyi dalam teks dapat dilihat dengan lebih jelas melalui penggunaan kaedah Hermeneutik. Prosedur kajian, kaedah Hermeneutik difikirkan dahulu, diikuti dengan teks naratif yang dikajinya dilihat dalam konteks untuk diinterpretasikan. Hal ini bagi memastikan kejituhan dan kebenaran dalam menghasilkan dapatan kajian yang benar-benar berkualiti.

Pendekatan Hermeneutik mula digunakan dalam sains sosial dan kemanusiaan sebagai pendekatan interpretasi teks. Contohnya dalam hasil karangan. Selain itu, istilah Hermeneutik dikongsi bersama bidang-bidang ilmu pengetahuan yang lain seperti sosiologi, sejarah, teknologi, undang-undang, kritikan, kritikan kesusasteraan dan kemanusiaan pada keseluruhannya [20]. Hermeneutik merupakan sains yang membicarakan tingkah laku manusia melalui metodologi yang sesuai dalam konteks dunia kini. Hermeneutik dianggap satu inkiri yang menyiasat dan membongkar misteri yang tersembunyi disebalik tingkah laku manusia [21]. Menurut Jaafar et al. [22], sesuatu interpretasi itu biasanya bersifat subjektif iaitu hanya benar bagi individu yang tertentu dan mungkin tidak benar bagi individu yang lain. Takrif ini membayangkan bahawa proses interpretasi bukanlah sesuatu perkara yang mudah tetapi ianya kompleks dan dinamik.

#### 4. Dapatan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian rintis, pengkaji dapat menganalisis karangan yang dihasilkan oleh murid cemerlang dari segi Gaya afeksi. Didapati murid cemerlang dapat menulis karangan menepati tajuk. Murid dapat menulis isi utama karangan berpandukan tajuk. Pengolahan idea sangat baik dan penyampaian jelas, tersusun dan menarik. Turutan isi penting ditulis dengan baik dalam perenggan berpandukan tajuk. Berupaya menunjukkan unsur afektif yang mendasari perasaan dan emosi semasa menulis eseи. Menggunakan frasa seperti “baik hati, bersikap positif, dalam keadaan gembira dan frasa sedih dalam keadaan sedih. Dari segi kognisi murid cemerlang dapat mengingat maklumat yang dikehendaki oleh tajuk. Murid dipelajari dan menyesuaikan dengan tajuk karangan. Murid dapat menghurai maklumat fakta iaitu isi dan huraian dalam karangan. Setiap isi disertakan dengan pengolahan dan contoh yang memudahkan pembaca untuk memahami ayat yang disampaikan. Gaya kognisi yang boleh dilihat dalam karangan murid ialah murid dapat menganalisis fakta-fakta penting yang relevan yang tersemat dalam minda murid. Informasinya mungkin diperolehi sewaktu pengajaran guru dalam kelas atau daripada bahan bacaan dan diguna pakai semula dalam pengolahan isi karangan. Seterusnya dari aspek tahap bawah sedar pula murid cemerlang dapat menyelami tahap bawah sedar dalam penulisan karangan. Menulis karangan berdasarkan format karangan perbincangan iaitu memulakan karangan dengan permulaan, perkembangan isi dan penutup. Dapat mengaitkan maklumat kini dengan maklumat lampau. Fakta, isi dan huraian diolah oleh murid kerana format karangan dikuasai dan disimpan dalam memori jangka panjang. Pengetahuan dan pengalaman yang terkumpul sekian lama melalui pembelajaran dalam kelas mahupun di luar kelas membantu murid dalam proses pemikiran.

Analisis dapatan murid sederhana dari segi afeksi pula idea menepati tajuk. Ada idea tetapi kurang ditulis dengan baik. Pengolahan idea secara sederhana. Ada turutan isi penting tetapi dijelaskan secara sederhana. Berupaya menunjukkan unsur afektif yang mendasari perasaan dan emosi semasa menulis eseи tetapi penggunaan imbuhan yang salah dalam ayat. Boleh menggunakan frasa seperti “baik hati, bersikap positif, dalam keadaan gembira dan frasa sedih dalam keadaan sedih dalam ayat yang betul. Seterusnya, dari segi kognisi pula murid boleh mengingat maklumat yang dikehendaki oleh tajuk tetapi ayat kurang menarik. struktur ayat yang kurang daya tarikan. Terdapat aspek kognisi menghurai tetapi isi tidak dihuraikan dengan baik. Gaya kognisi kurang diaplikasikan dengan baik atau sepenuhnya oleh murid. Mungkin terdapat halangan dari sudut masa dan juga motivasi. Dapat melihat Gaya kognisi dalam karangan murid menganalisis fakta-fakta penting yang relevan yang tersemat dalam minda murid. Informasinya boleh diguna pakai semula dalam pengolahan isi karangan tetapi sambungan pengolahan ayat yang kurang menarik. Dari segi tahap bawah sedar pula murid sederhana boleh menyelami tahap bawah sedar dalam penulisan karangan. Murid boleh mencungkil idea tetapi huraian tentang aspek pemilihan kawan kurang menarik. Menulis karangan berdasarkan format karangan perbincangan tetapi isi karangan tidak mencukupi. Boleh mengaitkan maklumat kini dengan maklumat lampau. Fakta, isi dan huraian kurang diolah oleh murid walaupun format karangan disimpan dalam memori jangka panjang tetapi ayat karangan kurang menarik. Boleh aplikasikan pengetahuan dan pengalaman yang terkumpul melalui pembelajaran dalam kelas mahupun di luar kelas dalam proses pemikiran

Analisis dapatan murid lemah dari segi afeksi pula ada idea tetapi kurang ditulis dengan baik. Berupaya menunjukkan unsur afektif yang mendasari perasaan dan emosi semasa menulis eseи tetapi dalam ayat yang tergantung. Tidak fasih menggunakan frasa seperti “baik hati, bersikap positif, dalam keadaan gembira dan frasa sedih dalam keadaan sedih dalam ayat yang betul. Dari aspek kognisi pula murid lemah sukar mengingat maklumat yang dikehendaki oleh tajuk .Permulaan karangan yang

ringkas. Aspek kognisi menghurai karangan tidak diaplikasikan dengan sepenuhnya oleh murid. Murid tidak mengolah isi karangan dengan baik. Murid tidak menyokong isi utama dengan baik. Kesinambungan antara isi karangan masih perlu dibaiki oleh murid. Mampu mengeluarkan idea tetapi tidak mampu menjana idea. Kurang dapat melihat Gaya kognisi dalam karangan murid menganalisis fakta-fakta penting yang relevan yang tersemat dalam minda murid. Informasinya boleh diguna pakai semula dalam pengolahan isi karangan tetapi sambungan pengolahan ayat yang tidak berstruktur dan tidak menarik. Dari segi tahap bawah sedar pula, murid kurang menyelami tahap bawah sedar dalam penulisan karangan. Ada idea tetapi kurang fasih mencungkil idea.. Menulis karangan berdasarkan format tetapi isi dan perenggan karangan tidak mencukupi. Fakta, isi dan huraian kurang diolah murid kerana format karangan kurang fasih dikuasai dan disimpan dalam memori jangka panjang. Kurang dapat aplikasikan pengetahuan dan pengalaman yang terkumpul melalui pembelajaran dalam kelas mahupun di luar kelas. Kurang kemahiran mengaitkan pengalaman lampau dan kini.

## 5. Perbincangan

Penulisan Karangan murid dianalisis menggunakan panduan pemarkahan karangan. Semua penulisan telah dikategorikan mengikut tiga bahagian iaitu cemerlang, sederhana dan memuaskan berdasarkan pengolahan idea, isi, struktur ayat, penggunaan perbendaharaan kata, ejaan yang betul. Melalui tiga kategori ini juga, dapat dilihat analisis gaya kognisi, afeksi dan tahap bawah sedar yang berlaku dalam penulisan karangan murid. Kajian rintis telah ditadbirkan kepada 4 orang murid di SJK (Tamil).

Berdasarkan dapatan kajian rintis, didapati seorang murid menulis karangan dalam tahap cemerlang. Murid- murid ini memahami dan menghayati semua pengajaran penulisan karangan yang diajar oleh guru dan karangan yang dibaca dalam pelbagai media cetak dan elektronik. Segala yang dipelajari, khususnya gaya bahasa berjaya disimpan oleh murid dalam memori jangka panjang. Antara cara yang telah digunakan oleh 4 murid ini ialah menaakul, mengingat, mensintesis dan meraptai informasi gaya bahasa yang harus dihayati untuk dicungkil semasa menulis karangan. Selain itu, pengetahuan daripada pengalaman yang pernah dialami dalam hidupnya menjadi asas yang kukuh untuk menganalisis jenis pengalaman ini. Semua maklumat dan idea yang berkaitan untuk menulis karangan ini telah disusun, dirangkaikan dan digubal untuk menjadi sebuah karangan yang indah, menarik dan dapat menyampaikan maklumat yang dikehendaki oleh soalan karangan.

Seterusnya melalui dapatan kajian rintis, didapati 2 orang murid menulis karangan dalam tahap sederhana. Walaupun murid boleh mencungkil maklumat berdasarkan pengalaman- pengalaman lalu tetapi karangan murid-murid ini hanya boleh dikategorikan dalam kategori sedrahana dan tidak boleh diberi kategori baik kerana penggunaan perbendaharaan kata sangat terbatas dan struktur ayat bagi kebanyakan ayat juga kurang tepat dan turut didapati terdapat kesalahan tatabahasa yang ketara seperti penggunaan imbuhan yang tidak betul dan penggunaan perkataan yang kurang tepat dalam penulisan teks karangan.

Didapati seorang orang menulis karangan dalam tahap memuaskan didapati murid-murid dalam kategori kurang mahir dalam memproses maklumat yang terkandung dalam memori jangka panjang. Murid-murid tidak dapat menulis mengikut cara guru mengajar menggunakan urutan yang betul. Walaupun murid-murid menulis karangan menggunakan unsur afeksi, iaitu menjurus kepada imaginasi dan mengaplikasi daripada pengalaman yang dialami namun murid tidak dapat menapis isi-isi yang relevan dan bersesuaian dengan tajuk karangan. Karya murid dalam kategori ini juga mempunyai penyampaian isi yang sangat mudah dan ringkas untuk dibaca. Kebanyakan idea murid diolahkan dengan menggunakan ayat dasar sahaja. Penggunaan kosa kata murid juga sangat terhad dan hampir kesemua penulisan dalam kategori ini mempunyai masalah perbendaharaan kata yang sangat terhad membebaskan murid mengalami kesukaran untuk mengolahkan dan memperkembangkan isi.

## 6. Kesimpulan

Kejayaan murid dalam setiap matapelajaran tidak dapat disangkal banyak bergantung kepada usaha murid. Penggunaan cara belajar yang bersesuaian dengan murid merupakan satu faktor penyumbang terhadap keberkesanan strategi murid. Pelbagai usaha perlu difikirkan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid agar mereka dapat menjalani proses pengajaran dan pembelajaran secara efektif. Walalupun mengajar secara penulisan sering dianggap mudah oleh sesetengah pihak, usaha-usaha yang giat perlu dilakukan bagi meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran menulis. Oleh itu,

sebagai warga pendidik yang bertanggungjawab untuk melahirkan generasi akan datang, keutamaan haruslah diberikan kepada peningkatan prestasi murid –murid agar mampu bersaing dalam dunia global.

Berdasarkan dapatan kajian rintis yang diperolehi dalam kajian ini, mana-mana pihak yang terlibat seperti peranan murid, peranan guru, peranan ibu bapa ,peranan pentadbir sekolah, peranan Kementerian Pelajaran Malaysia perlu mengambil iktibar untuk meningkatkan gaya afeksi, kognisi dan tahap bawah sedar di kalangan murid sekolah rendah melalui pelbagai program yang boleh tingkatkan tahap pemikiran murid.

## Rujukan

- [1] S. Z. Othman, B. Aris, H. Mohamed, N, M. Zaid, and Z. Abdullah, “Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Model Stesen Rotasi Pelbagai Mod,” in *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 2014*, Johor, pp. 11-13 August 2014.
- [2] L. L. Chung, C. H. Leng, and C. F. Peng, “Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat dalam Penulisan Karangan dari Aspek Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif Serta Pembelajaran Kolaboratif,” *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, vol. 4 no. 1, pp. 1-12, Januari 2017
- [3] S. Nachiappan, I. P. Julia, N. Abdullah, S. C. Sehgar, S. Suffian and N. A. Sukri, “Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran di tadika,” *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, vol. 8, pp. 24-32, 2019.
- [4] N. H. Hadi, “Pelajar Introvert di Sekolah”, *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 1, no. 1, pp. 1-14, 2019.
- [5] W. Izzah,“Penyerapan Pemikiran Inventif dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Berdasarkan Jantina, Pengalaman Mengajar dan Kategori Sekolah,” *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, vol. 8, no. 2, pp. 39-47, 2017.
- [6] M. Q. Anwar, “Tahap Perbezaan Pengetahuan, Sikap dan Amalan Menggunakan Enam Topi Pemikiran Berdasarkan Jantina dan Pengkhususan dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan,” *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, vol. 8, no. 2, pp. 13-24, 2018.
- [7] M. Zaki, “Penyerapan Pemikiran Inventif dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Berdasarkan Jantina, Pengalaman Mengajar Dan Kategori Sekolah,” *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, vol. 8, no. 2, pp. 39-47, 2018.
- [8] Zamri, “Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pertukaran Kod dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah,” *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, vol. 11, no. 1, pp. 40-56, 2021.
- [9] A. F. A. Rahman, and Z. Mahamod, “Teknik Lakaran Bersama Peta Alir Ithink Meningkatkan Kemahiran Menjana Idea Murid Etnik Lun Bawang dalam Karangan Autobiografi,”*Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, vol. 9, no. 1, pp. 12-22, 2019.
- [10] D. Mazlina, and A. Rahid, “Pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional (Kpp) untuk Peningkatan Kemahiran Guru Bahasa Melayu Mengajar Penulisan Karangan,” *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, vol. 4, no. 3, 2016.
- [11] A.A. Akup, And Y. Othman, “Keberkesan Peta Pemikiran Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Esei Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan,” *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, vol. 7, no. 1, pp. 44-45, 2017.
- [12] N. A. Abdullah, Z. Mahamod, and N. A. H. N. Shaid, “Faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah,” *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, vol. 6, no. 2, pp. 1-9, 2016.
- [13] R. A. K. Mohamed, A. H. Ali, and M. Nasir, “Aplikasi Ranah Kognitif Anderson & Krahwthwohl dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pantun di Sekolah Dasar”, *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 3, pp. 110-118, Dec. 2021.
- [14] Lembaga Peperiksaan Malaysia, “Laporan Analisis Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia,” Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017.
- [15] L. L. Chung, C. H. Leng, and C. F. Peng, “Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat dalam Penulisan Karangan dari Aspek Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif Serta Pembelajaran Kolaboratif,” *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, vol. 4, no. 1, pp.1-12, 2017.

- [16] C. F. Peng, and N. A. A. Jinah, "Sikap, Motivasi dan Pelaksanaan Strategi Think-Paire-Share Dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah," *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, vol. 10, no. 1, pp. 37-47, 2020.
- [17] C. F. Peng, and Z. H. Hamad, "Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Melayu Melalui Teknik Penyoalan (Higher Order of Thinking Skills in Teaching and Learning Malay Language through Questioning Technique)," *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, vol. 8, no. 2, pp.1-12, 2018.
- [18] S. Nachiappan, S. Durailimgam, and S. Suffian, "Aplikasi Kognisi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Karangan Bahasa Malaysia dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat melalui Kaedah Hermeneutik," *Jurnal Peradaban Melayu*, vol. 12, pp. 1-10, 2017.
- [19] S. Nachiappan, G. S. Yin, and S. C. Sehgar, "Aplikasi Kemahiran Kognisi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Karangan Bahasa Melayu di SJK (Cina) Daerah Sabak Bernam," *PENDETA*, vol. 9, pp. 32-40, 2018.
- [20] N. Md Hassan, "Perspektif Guru Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Pelajar", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 2, pp. 50-56, Aug. 2021.
- [21] K.R. Oldenburg, D. Loganathan, I. J. Goldstein, P.G. Schultz, and M.A. Gallop, "Peptide Ligands for a Sugar-Binding Protein Isolated From a Random Peptide Library," *Proceedings of the National Academy of Sciences*, vol. 89, no. 12, pp. 5393-5397, 1992.
- [22] M.F. Jaafar, N.M. Awal, M.A. Mis, and N. Lateh, "The Patterns of Language Choice at the Border of Malaysia-Thailand," *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, vol. 5, no. 2, pp. 176-185, 2016.